

15 JAN 1996

Megat - Pusat

MASALAH PUSAT SERENTI AKAN DIRUJUK KEPADA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayub hari ini mengakui bahawa keadaan pusat-pusat serenti yang sesak dan padat merupakan antara punca ramai penghuni melarikan diri daripada pusat-pusat tersebut.

Katanya, beliau akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menjelaskan keadaan sebenar pusat-pusat serenti yang dikatakan "padat" pada masa kini.

"Selepas kes 48 penghuni yang lari daripada Pusat Pemulihan Penagih Dadah di Rawang berlaku, saya telah memanggil Ketua Polis Negara dan Ketua Setiausaha (Kementerian Dalam Negeri) dan membincangkan secara serius mengenai masalah ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung ke-12 Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKMM) di sini hari ini.

Katanya, Ketua Polis Negara Tan Sri Rahim Noor dan Ketua Setiausaha kementerian berkenaan Tan Sri Rahim Din akan bersama-sama beliau dalam pertemuan dengan Perdana Menteri yang dijangka diadakan minggu depan.

"Saya tidak menyalahkan budak-budak itu kerana lari dari pusat serenti. Tempat-tempat itu seharusnya selesa kerana ia adalah untuk memulihkan mereka (penagih)," kata beliau.

Megat Junid berkata kementerian memandang serius masalah kesesakan ini kerana 10 daripada 48 penghuni yang melarikan diri dari pusat Rawang itu dijangkiti virus HIV.

Katanya kesesakan di pusat-pusat pemulihan yang sedia ada tidak dapat dielakkan selagi pembinaan lapan pusat pemulihan yang baru belum disiapkan.

Mengenai kegiatan pemalsuan kad pengenalan, beliau berkata kerajaan akan membanteras gejala itu sehingga ke akar umbi, bukan sahaja di Sabah malah di seluruh negara termasuk di kawasan Lembah Klang.

Katanya, siasatan dan tangkapan akan dibuat dari semasa ke semasa oleh pihak berkuasa untuk menangani masalah itu.

Sementara itu, KDN akan membekukan selama tiga tahun pengeluaran lesen syarikat-syarikat kawalan keselamatan yang baru mulai tahun ini.

Megat Junid berkata langkah itu diambil bagi membolehkan KDN menyelia syarikat-syarikat yang ada bagi memastikan ia mengemaskinikan mutu perkhidmatan, disiplin dan kakitangan mereka. -- BERNAMA